

0961

U 8223 AAB
MAHATHIR - KELANTAN R R R R

KUALA LUMPUR, 17 DIS (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA KERAJAAN PUSAT AKAN MENYELESAIKAN ISU PERTUKARAN 20 PESANAI TADBIR NEGERI (PTN) KELANTAN APABILA TIBA MASANYA.

APABILA TIBA PERINGKAT YANG MEMERLUKAN, KERAJAAN AKAN MEMBUAT APA YANG DAPAT DILAKUKANNYA, KATA PERDANA MENTERI KEPADA PEMBERITA SELEPAS KERASHIKAN KOMPLEKS SATELIT BUMI RADIO TELEVISYEN MALAYSIA (KONSAR) PADA EKSPD ELEKTRONIKA DI ANGKASAPURI DI SINI.

BELIAU, BAGAIMANAPUN, ENGGAN MEMSHURAIKAN LANGKAH-LANGKAH YANG AKAN DIAMBIL OLEH KERAJAAN.

KETIKA DITANYA SAMA ADA KEJADIAN DI KELANTAN ITU MEMBIMBANGKAN, BELIAU MENEGASKAN BAHAWA IA TIDAKLAH MEMBIMBANGKAN.

+JANGAN BIMBANG, IA BOLEH DISELESAIKAN,+ KATANYA. -- LASI
1431MST 17 12 88

0962

U 8224 AAB
MAHATHIR - KELANTAN 2 KUALA LUMPUR R R R

KONTROVERSI ITU TERCETUS APABILA SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI, DATUK HAJI NAN MOHAMED YUSOF, MENSELUARKAN SURAT PENUKARAN JAMATAN 20 PESANAI KERJAAN NEGERI PADA 4 DIS TANPA MEMBERITAHU MENTERI BESAR, TAN SRI HAJI MOHAMED YAACOB, TERLEBIH DAHULU.

MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EKCO) KEMUDIAN MEROMBOK PERTUKARAN 18 ORANG DARIPADA PESANAI YANG TERDABIT DAN ISU ITU BERTAMBAH BURUK APABILA SURUHANJAYA PERKHIDMATAN NEGERI BERTINDAK MEMBATALKAN ARAHAN BARU EKCO ITU.

KETIKA DITANYA APAKAH LANGKAH YANG AKAN DIAMBIL UNTUK MENYELESAIKAN MASALAH ITU, BELIAU ENGGAN MENJELASKANNYA TETAPI BERKATA: +TUNGSULAH SEHINGGA IA DISELESAIKAN.+

DATUK SERI DR MAHATHIR JUSA BERKATA KEADAAN DI NEGERI ITU MASIH DAPAT DIKAWAL.

SEBELUM ITU, PERDANA MENTERI DAN ISTERINYA, DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HANNAH ALI, MENYAKSIKAN SEMANAM OLEH 800 ORANG KAKITANGAN KEMENTERIAN PENERANGAN DAN AGENSI DI BAWAHNYA. -- LASI
1433MST 17 12 88

0963

U 8225 AAB
MAHATHIR -- KELANTAN 3 KUALA LUMPUR R R R

BELIAU JUSA TELAH MENYAMPAIKAN PINGAT SETIA KELAS KEDUA KEPADA PARA PESANAI DAN KAKITANGAN JABATAN PENYIARAN DAN MELAWAT PAMERAN BERPENA EKSPD BERKEMAM.

KETIKA MELAWAT PAMERAN ITU, PERDANA MENTERI JUSA TELAH MELUANGKAN MASA UNTUK MEMBOLEHKAN ROBOT PANA ROBOT MEMOTRETKAN DIRINYA DAN MENCUBA ROBOT PENDERIA BAGI +MENGUJI KESIHATAN+ BELIAU.

EKSPD ITU, YANG DIADAKAN SEHINGGA 23 DIS INI, DIBUKA KEPADA ORANG RAMAI MULAI PUKUL 10 PAGI HINGGA 10 MALAM DENGAN MENYEDIAKAN PAMERAN PELSAGAI TEKNOLOGI MODEN DALAM BIDANG PENYIARAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUSA MEMERIMA CENDERAMATA BERUPA REPLIKA SATELIT ITU DARIPADA PENGURUSI SAFURA HOLDINGS, DATUK SHAHSUDDIN ABDUL KADIR, DAN LUKISAN DIRINYA OLEH PANA ROBOT ITU DAN SEBUAH KAMERA VIDEO TERMODEN DARIPADA PENGARAH URUSAN MATSUSHITA SALES AND SERVICES SON BHD, ENCIK KAZ NAKAJIMA. -- BERNAMA
1433MST 17 12 88